

20 SEP 1997

Jerebu-Syarikat

18 SYKT M'SIA BUKA LADANG DI INDONESIA MESTI BERTANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Semua 18 syarikat Malaysia, termasuk anak syarikat kerajaan-kerajaan negeri dan agensi kerajaan, mesti bertanggungjawab membantu memadamkan kebakaran hutan di lokasi-lokasi yang hendak dijadikan ladang mereka di Indonesia.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata mereka dikehendaki mematuhi arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar segera ke sana "dengan membawa peralatan memadam kebakaran dan membawa duit" bagi menganjurkan usaha memadamkan api dengan kerjasama penduduk di sana.

Katanya, Dr Mahathir telah mengarahkan supaya dicari para pelabur itu sama ada yang terlibat secara langsung atau secara usahasama membuka ladang di Kalimantan dan Sumatera di Indonesia untuk memikul tanggungjawab itu.

"Indonesia telah memaklumkan kita mengenai 43 syarikat Malaysia yang buka ladang di sana dan 18 terlibat secara langsung...dan mereka tidak boleh berpura-pura tidak tahu," katanya pada persidangan berita di Bilik Gerakan Negara di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Mohamed, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, berkata kerajaan mahu melihat mereka tampil menunjukkan keprihatinan masing-masing dan pelan bertindak mereka untuk mengatasi kebakaran itu yang mengakibatkan jerebu paling teruk dalam sejarah Malaysia setakat ini.

Mohamed berkata Bahagian Keselamatan Negara (BKN) akan menghubungi semua syarikat itu tetapi beliau masih mahu mereka tampil secara sukarela menghubungi BKN dan mengemukakan pelan bertindak mereka.

"Jika mereka kata susah nak ke sana kerana tiada penerbangan, kerajaan sedia minta kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia untuk menghantar mereka ke lokasi-lokasi ladang mereka supaya mereka dapat menganjurkan usaha memadamkan api itu," katanya.

Sebaliknya jika mereka enggan tampil secara sukarela, Mohamed yang menunjukkan satu senarai pada persidangan berita itu, berkata kerajaan akan mengisytiharkan daftar nama syarikat-syarikat itu.

Katanya, kerajaan Indonesia juga dikatakan telah mengeluarkan arahan supaya ditarik balik surat izin pelaburan dan pembukaan ladang yang dikeluarkannya kepada beberapa syarikat Malaysia di sana.

Beliau berkata mudah-mudahan dengan adanya bukti dan kesediaan memikul tanggungjawab oleh syarikat-syarikat itu, usaha yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat Malaysia, usaha memadamkan kebakaran hutan itu dapat diatasi lebih cepat.

"Indonesia sendiri telah mengerahkan semua tenaga termasuk polis, tentera dan orang awamnya untuk memadamkan api di Kalimantan dan Sumatera. Sejumlah 400 anggota bomba Malaysia akan juga dihantar ke Kalimantan dan Sumatera," katanya.

Beliau berkata 21 kumpulan yang setiap satu terdiri 10 anggota yang dilengkapi peralatan akan ke Pontianak melalui jalan darat manakala selebihnya ke Riau dengan bot dan jadual pergerakan mereka ke sana sedang diatur.

Selain itu, dalam persefahaman dua hala dengan Indonesia, Malaysia juga akan menghantar pesawat untuk menjalankan kerja-kerja pembenihan awan bagi mengadakan hujan di Kalimantan dengan berpangkalan di Labuan, katanya.

Katanya, Malaysia juga telah menghubungi Indonesia supaya turut melibatkan negara-negara lain seperti Perancis dan Jepun untuk membantu memadamkan kebakaran yang berlaku dan berharap Indonesia dapat menerimanya.

"Boleh jadi di masa depan kita dapat menimbangkan perancangan jangka panjang mengatasi jerebu dengan pihak-pihak lain supaya dapat menanganinya dengan lebih tersusun berdasarkan pengalaman sekarang," katanya.

Sebelum itu, Mohamed mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu yang turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

-- BERNAMA

MNY AKD